

LAMPIRAN B

KETERANGAN BAGI BENTUK / KATEGORI PROGRAM KOMUNITI

A) Projek *One-Off* Individu

- Merangkumi sebarang projek komuniti yang dijalankan sekali sahaja atas kapasiti individu di sesuatu tempat untuk jangka masa yang singkat (1-10 hari).
- Kebiasaannya projek ini hanya mendapat penarafan bintang 1 hingga 3 sahaja. Tidak berpotensi mencapai penarafan bintang 4 & 5.
- Contoh : Jemputan sebagai penceramah / fasilitator, pengadil / juri pertandingan dan seumpamanya dari pihak luar.

B) Projek *One-Off* Berkumpulan (terlibat secara langsung)

- Merangkumi sebarang projek komuniti yang dijalankan sekali sahaja atas kapasiti individu di sesuatu tempat untuk jangka masa yang singkat (1-10 hari). Projek komuniti ini melibatkan beberapa orang ahli yang sama-sama membantu menjayakan projek.
- Kebiasaannya projek ini hanya mendapat penarafan bintang 1 hingga 3 sahaja. Tidak berpotensi mencapai penarafan bintang 4 & 5.
- Contoh : Pelaksanaan Bengkel Pendedahan Pendidikan dan Laluan Kerjaya kepada pelajar luar Bandar. Projek ini melibatkan beberapa orang Pegawai dalam menjayakan bengkel tersebut. Pameran yang dianjurkan oleh PTJ sendiri/ UMP atau jemputan dari pihak luar.

C) Projek One-Off Berkumpulan (terlibat secara tidak langsung)

- Merangkumi sebarang projek komuniti yang dijalankan oleh UMP yang dijalankan sekali sahaja di sesuatu tempat untuk jangka masa yang singkat (1-10 hari). Projek komuniti ini melibatkan beberapa orang ahli , tetapi ada ahli yang terlibat secara tidak langsung dalam menjayakan projek komuniti tersebut.
- Kebiasaannya projek ini hanya mendapat penarafan bintang 1 hingga 3 sahaja. Tidak berpotensi mencapai penarafan bintang 4 & 5.
- Contoh : Pihak UMP menganjurkan program Hari Terbuka dan telah menjemput Pegawai dari Fakulti Kejuruteraan sebagai penceramah jemputan. Pegawai dari fakulti berkenaan perlu menginput data ke dalam sistem ICID di bawah kategori projek *One-Off* Berkumpulan (terlibat secara tidak langsung).

D) Projek Berterusan

- Merangkumi sebarang projek komuniti berbentuk aktiviti pemindahan ilmu untuk pembangunan komuniti yang dijalankan secara berperingkat pada satu jangka masa yang telah ditetapkan.
- Komuniti menerima manfaat sepenuhnya dan mampu untuk meneruskan projek komuniti tersebut secara lestari.
- Berpotensi mencapai penarafan bintang 4 & 5.
- Contoh : Program Pembangunan Usahawan Ibu Tunggal di kawasan Pekan untuk jangka masa 2 tahun bagi membangunkan kompetensi usahawan ke arah usaha meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk.

E) Projek Libatsama PTJ (Program)

- Merangkumi sebarang projek komuniti yang melibatkan program komuniti multi-disiplin yang diselaraskan oleh satu PTJ, manakala beberapa PTJ lain mengetuai sub-projek di bawahnya.
- Berpotensi mencapai penarafan bintang 3 hingga 5.
- Contoh : Program Pembangunan Komuniti di Felda Chini. Tempoh projek 2 tahun. Ketua Projek di Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni. Terdapat beberapa sub-projek yang diketuai oleh Fakulti/Pusat seperti program Kejuruteraan yang dikendalikan oleh pihak JJIM dan Pusat Kecemerlangan Automotif.

F) Geran Knowledge Transfer Program (KTP)

- Merujuk kepada Geran Program Pemindahan Ilmu (KTP) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia untuk memindahkan ilmu pengetahuan daripada Universiti Awam kepada pihak komuniti dan industri iaitu perusahaan kecil dan sederhana (SME/SMI)

G) Geran UCTC – NBOS / MINI-RTC

- Merujuk kepada geran Program Komuniti di bawah peruntukan khas daripada *National Strategy Unit* (NSU, Kementerian Kewangan Malaysia) yang diuruskan oleh Unit NBOS, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. Ia merupakan inisiatif bagi menjalankan program di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

H) Geran Galakan Penyelidikan Komuniti

- Merujuk kepada Geran Galakan Penyelidikan Komuniti di bawah naungan UMP di mana sumber dana adalah peruntukan khas daripada Geran Penyelidikan Universiti yang diselaraskan oleh Jabatan Penyelidikan & Inovasi UMP.

I) Latihan / Pendidikan Sepanjang Hayat (PSH) Komuniti

- Latihan / PSH Komuniti yang dijalankan berdasarkan kepada perancangan PTJ, permohonan komuniti, atau arahan pihak Pengurusan Universiti. Terdapat beberapa jenis latihan komuniti iaitu :

i. Kursus Berjadual

- Kursus yang dirancang dan dilaksanakan oleh PTJ.
- PTJ akan mempromosikan kursus berjadual yang akan dijalankan melalui laman web UMP/PTJ, surat jemputan dan sebagainya kepada komuniti.
- Komuniti yang berminat boleh mendaftar nama mereka bagi kursus melalui borang permohonan / portal yang disediakan.
- Kursus yang dijalankan juga merangkumi kursus teknikal profesional bersijil.

ii. Kursus Tidak Berjadual

- Kursus tidak dirancang yang dilaksanakan oleh PTJ.
- Kebiasaannya dipohon oleh pihak luar yang memerlukan kursus dan latihan dalam bidang tertentu. PTJ akan mengemukakan kertas cadangan untuk kursus yang dipohon bersama implikasi kewangan dan cadangan pengisian kursus kepada

pihak yang memohon.

- Sekiranya cadangan yang dikemukakan itu dipersetujui oleh pemohon, kursus akan dijalankan dan setiap peserta yang menamatkan kursus akan diberikan sijil kursus.
- Kursus yang dijalankan juga merangkumi kursus teknikal profesional bersijil.

iii. Kursus Pembangunan Profesional

- Satu kaedah latihan untuk meningkatkan prestasi organisasi melalui pembelajaran pengalaman. Program seperti ini sering disebut sebagai latihan pembangunan profesional dan pembangunan pengurusan luar atau *teamwork*.

iv. Program Sangkutan (*Attachment Programme*)

- Program ini dilaksanakan untuk berkongsi kemahiran, pengetahuan dan pengalaman UMP dan agensi yang terlibat, selain mewujudkan hubungan kerjasama.
- Agensi atau syarikat yang berminat menghantar staf mereka menjalankan program ini dan boleh membuat permohonan kepada PTJ dan menyatakan bidang yang ingin disertai.